

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 JUN 2016 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Hailstorms are not unusual, says ministry	Sunday Star
2.	Lapan produk baru dilancar di BioMalaysia	Utusan Malaysia
3.	Idris: Teachers need to embrace changes quickly	Sunday Star
4.	52 dikurnia darjah kebesaran PSM bawa gelaran Tan Sri	Mingguan Malaysia
5.	1,546 honoured on King's birthday	Sunday Star
6.	Ribut, hujan batu jarang serentak	Mingguan Malaysia

Hailstorms are not unusual, says ministry

KUALA LUMPUR: The hailstorm that hit several parts of the city on Friday is not an unusual phenomenon, said Science, Innovation and Technology Minister Datuk Seri Madius Tangau.

He said hailstorms could happen during severe thunderstorms.

"When cumulonimbus clouds reach an altitude of 40,000ft, raindrops can form into chunks of ice," he said in a statement.

He said the duration of hailstorms was short, only about 20 minutes, adding that such storms could happen at any time.

During a hailstorm, people should not be near windows and should take shelter in buildings, or under bridges if driving.

He said the ministry, through the Malaysian Meteorological Department, monitors the weather continuously and updates the public via the MetMalaysia hotline, 1-300-22-1MET(638), its website and social media.

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (TEKNO) : MUKA SURAT 32
TARIKH : 5 JUN 2016 (AHAD)

TEKNO

Lapan produk baru dilancar di BioMalaysia

TAHUN ini BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2016 melancarkan lapan produk baru hasil penyelidikan inovasi berasaskan bio dan pengkomersialan syarikat berstatus BioNexus.

Lapan produk yang dilancarkan termasuk OrchidLife Labeesity untuk mengawal berat badan, Bio Tree Biotechnology's Root Lemon and Ginger Juice untuk meningkatkan kesihatan, Tropical Bioessence's The Sutra-fig produk penjagaan peribadi, Furley Bioextract Feminine Mist untuk kebersihan peribadi wanita, Persona Kosmetik's Might Hair Shampoo untuk menghalang keguguran rambut, Tigerus Tiggy Cocos Chewable Tablets untuk kanak-kanak oleh Ligni Biotech Sdn. Bhd., dan Astatude produk penjagaan kulit oleh Algatech International Sdn. Bhd.

Bertepatan dengan tema Menambah Nilai Ekonomi melalui Teknologi berasaskan Bio', pelancaran produk syarikat BioNexus selaras dengan matlamat Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) fokus kepada memaju produk berasaskan bio sebagai sumber pertumbuhan ekonomi baru bagi Malaysia.

Produk yang dilancarkan menyumbang kepada Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 (MCY) satu inisiatif dibawa oleh MOSTI bagi mengembangkan pengkomersialan sehingga 360 produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) menjelang tahun 2020.

Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah



ABU Bakar Mohamad Diah (kanan) ditemani Zakri Abdul Hamid (tiga dari kanan) melancarkan produk BioNexus di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur baru-baru ini

berkata, dalam menjelajah bisnes baru dan bersaing dalam pasaran global, Malaysia mensasarkan lebih penglibatan industri berasaskan bio dalam ekonomi.

"Produk berasaskan bio yang dilancarkan membuka peluang kepada Malaysia untuk melangkah masuk ke ruang ekonomi dunia yang lebih luas," katanya. Sementara itu, Pengerusi

BiotechCorp, Professor Tan Sri Zakri Abdul Hamid berkata, produk yang dihasilkan oleh syarikat berstatus BioNexus boleh memberikan pengguna keyakinan terhadap produk tempatan untuk mempromosikan aktiviti ekonomi kebangsaan.

"Pelancaran ini secara tidak langsung akan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kualiti produk berasaskan bio serta menawarkan pengguna pilihan produk yang selamat dan mampu milik berbanding produk luar negara," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr. Mohd Nazlee Kamal pelancaran produk hasil kajian syarikat berstatus BioNexus menunjukkan terdapat perubahan antara bisnes komuniti kepada produk tambah nilai menggunakan teknik bioteknologi.

"Apabila kita memasuki Revolusi Industri keempat, kami mahu pemain industri berasaskan bio di Malaysia menggunakan teknologi baru seperti bioteknologi, teknologi digital, nanoteknologi atau biologi sintetik untuk menghasilkan produk tulen dengan fungsi lebih inovatif bagi pasaran baru dan sedia ada. "Saya berharap produk yang

dilancarkan akan menjadi pemangkin dan pembangkit semangat pemain industri tempatan untuk terus maju dan berusaha ke arah pengkomersialan yang bakal membuka dimensi baru bagi Malaysia dan rantau sekitarnya," katanya.

Nazlee menambah selain pelancaran produk, BioMalaysia 2016 menampilkan konsep terbuka dengan dewan pameran dan persidangan di dalam satu dewan di mana pengunjung boleh melawat pameran dan mendengar ceramah yang diadakan.

"Buat masa ini terdapat 132 produk yang telah komersial ditambah dengan 10 produk tahun ini menjadikannya 142. Semua ini impak daripada dana-dana yang diberikan kepada penyelidik dan saintis bagi menjalankan penyelidikan sehingga menghasilkan produk dan kemudian dikomersialkan sehingga sampai ke pengguna akhir," katanya.

Tahun ini BioMalaysia 2016 mendapat penyertaan 200 pempamer dan 10,000 pengunjung serta menawarkan peluang perniagaan antara syarikat tempatan dan antarabangsa serta pembuat dasar.



PRODUK baru yang dilancarkan BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2016.

Idris: Teachers need to embrace changes quickly

EDUCATORS need to enhance their teaching techniques in line with the changes in technology.

They need to do so as only then can they nurture students who excel, said Higher Education Minister Datuk Seri Idris Jusoh.

He said there is an urgent need for both teachers and lecturers to keep abreast with the many digital advancements and embrace them quickly.

"The changes taking place in this day and age are not the same as it was in the past. With the Internet and smart phones and new applications that are easily available, there is no reason for educators to be left behind," said Idris when launching the Teachers Day celebration recently in Besut, Terengganu.

Meanwhile, Education Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid had stated that Unesco's recognition of Malaysia's achievements in various fields proves that Malaysia is on the right track in providing inclusive education to the people.

Bernama quoted him as saying that inclusive education in science, technol-

ogy and innovation will always be the country's main agenda in creating a society that is competitive, progressive and scientific.

Commitment and proactive measures have been taken to improve and enhance the country's efforts to achieve developed nation status by 2020, he added at the closing ceremony of the Malaysian-level Unesco Day celebration last week.

Mahdzir who is also president of the Malaysian National Commission for Unesco, said Malaysia is proud of the appointment of the **Science, Technology and Innovation Ministry's secretary-general Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur** as the new president of the Unesco Science Commission.

This reflects the faith they had in Malaysia's leadership on matters related to science. He added that efforts in the preservation of sites such as the Kinabalu National Park, the Gunung Mulu National Park, the twin cities of Malacca and George Town, and Perak's Lenggong Valley Archaeological Site, has paid off as these are now Unesco world heritage sites. - Bernama

KERATAN AKHBAR

MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 11

TARIKH : 5 JUN 2016 (AHAD)

52 dikurnia darjah kebesaran PSM bawa gelaran Tan Sri

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 4 Jun - Seramai 52 orang dikurniakan darjah kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, hari ini.

Daripada jumlah itu, seramai 21 orang menerima secara rasmi darjah kebesaran tersebut dalam istiadat sempena hari keputeraan di Istana Negara, hari ini.

Selain daripada 21 penerima itu, antara yang turut dianugerahkan gelaran Tan Sri ialah Pengerusi Kumpulan Utusan, Datuk Mohamad Fatmi Che Salleh.

Antara penerima PSM; Presiden Parti Bersatu India Malaysia, Datuk Seri S. Nallakuruppan; Pengerusi MIC Bahagian Kampar Jaya, Datuk S. Veerasingham; serta Ketua Pergerakan Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu, Datuk Seri Empiang Antak.

Selain itu, penerima PSM yang lain ialah Pengarah Urusan Dimensi Eksklusif Sdn. Bhd., Datuk Seri Zainul Azman Zainul Aziz; Ketua Pegawai Eksekutif Alloy Mtd Group, Datuk Dr. Azmil Khalili Khalid dan bekas Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Mohd. Khalid Yunus.

Darjah kebesaran PSM turut dianugerahkan kepada Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Seri Dr. Khair Mohamad Yusof; Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Seri Ranjit Singh Ajith Singh; Ketua Penerangan Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia, Datuk Abdul Rahman Sulaiman serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Axiata Group Bhd., Datuk Seri Jamaludin Ibrahim.

Yang turut menerima PSM ialah Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Ramly Ali; Hakim Mahkamah Persekutuan, Da-



**MOHAMAD EZAM
MOHD. NOR**



A. SAKTHIVEL

tuk Azahar Mohamed; Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Zaharah Ibrahim; Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Othman Mahmood dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Othman Hashim.

Penerima PSM yang lain ialah Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur; Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Datuk Norliza Rofli, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Arpah Abdul Razak dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Datuk Othman Mustafa.

Dalam pada itu, sebanyak 79 individu dikurniakan darjah kebesaran Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran 'Datuk' antaranya Pengarah Komunikasi Kementerian Kewangan, Mohamad Ezam Mohd. Nor, Setiausaha Agung MIC, A. Sakthivel, tiga Hakim Mahkamah Rayuan iaitu Datuk Kamardin Hashim; Harminder Singh Dhaliwal dan Ong Lam Kiat serta Penasihat Undang-undang Jabatan Perdana Menteri, Datin Almaleena Sharmila Johan Thambu; dan Timbalan Presiden Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kapten Sharuddin Omar.

Antara penerima lain, bekas Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Allahyarham Datuk Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad (anumerta) dan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, mendiang Datuk Dr. Sundaran Annamalai (anumerta) yang meninggal

dunia dalam nahas helikopter di Sarawak pada 5 Mei lalu.

Turut menerima darjah kebesaran itu ialah bekas Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Peguam Negara, mendiang Datuk Anthony Kevin Morais (anumerta) yang mati dibunuh pada September 2015.

Bagi Darjah Kebesaran Panglima Setia Diraja (PSD) yang juga membawa gelaran 'Datuk' tiga penerima telah dipilih iaitu Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Perdana Menteri, Halimah Hashim; Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota Markas ATM, Mejar Jeneral Mohd. Yadi dan Juruiring Sultan Kedah, Kolonel Datuk Tunku Aziz Bendahara Tunku Nong.

Dalam pada itu, 37 individu menerima Darjah Kebesaran Johan Mangku Negara (JMN) antaranya Timbalan Ketua Bahagian Guaman I Jabatan Peguam Negara, Alice Loke Yee Ching dan pakar pergigian, Dr. Rashidah Burhanudin.

Turut menerima darjah JMN ialah Ketua Jabatan dan Pakar Perunding Otorinolaringologi Hospital Tuanku Jaafar, Dr K.A. Valuyeetham; Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan, Zuraida Mokhtar; bekas Timbalan Presiden Persatuan Pemborong Binaan Malaysia, Aziz Bahaman;

Ketua Polis Melaka, Deputi Komisioner Datuk Ramli Din dan Timbalan Ketua Polis Pulau Pinang, Deputi Komisioner Datuk A. Thaiveegan.

Sementara itu, antara 83 penerima anugerah Johan Setia Mahkota (JSM) termasuk Pakar Perunding Kanan (Kanak-kanak) Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, Dr. Angeline Wang Seng Lian dan Pengarah Bahagian Program TV Jabatan Penyiaran Radio Televisyen Malaysia (RTM), Norliza Mohd Ali.

Anugerah Johan Setia Diraja (JSD) pula dikurniakan kepada Setiausaha Sulit kepada Yang Dipertua Negeri Sarawak, Datu Mustapa Han serta lima penerima lain.

Bagi Bintang Kesatria Mangku Negara (KMN) sejumlah 224 orang telah terpilih termasuk Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner R. Munusamy; Pengarah Kanan Jabatan Perangkaan Malaysia, Abd. Latib Talib; Pegawai Komunikasi Pejabat Ketua Setiausaha Negara, Ahmad Shukran Shaharuddin; Ketua Polis Daerah Putrajaya, Asisten Komisioner Rosly Hassan dan Presiden Persatuan Seniman Malaysia, Rozaidi Abdul Jamil.

Selain itu, Bintang Kesatria Setia Diraja (KSD) dianugerahkan kepada 10 orang penerima termasuk Pengarah Muzik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Mohamad Adzan Mohamad Fauzi dan Jurutera Awam Bahagian Pengurusan Fasilitas Jabatan Kerja Raya, Azme Hassan.

Sementara itu, ratu terjun negara Pandelega Rinong; guru Sekolah Menengah Kebangsaan Wira Penrisen, Kota Samarahan, Sarawak, Chong Siau Chen dan Setiausaha Kerja Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia, Siti Fadilah Sudin merupakan antara 374 penerima Ahli Mangku Negara (AMN).

1,546 honoured on King's birthday

Among recipients are 53 with Tan Sri titles and 79 with Datukships

PUTRAJAYA: Attorney-General Tan Sri Mohamed Apandi Ali was the sole recipient of Darjah Panglima Mangku Negara (PMN), which carries the title Tan Sri, in conjunction with the official birthday of the Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Another 52 people were bestowed the Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM), which also carries the title Tan Sri.

They were among a list of 1,546 recipients of 2016 Federal Orders, Decorations and Medals in conjunction with the King's birthday.

Among the recipients of PSM title were Federal Court Judges Datuk Ramly Ali, Datuk Azahar Mohamed and Datuk Zaharah Ibrahim, senior deputy secretary-general in the Prime Minister's Department Datuk Seri Othman Mahmood and Foreign Ministry secretary-general Datuk Othman Hashim.

Other recipients of the same title were Science, Technology and Innovation Ministry secretary-general Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur, Education director-general Datuk Seri Dr Khair Mohamad Yusof, Public Service Commission chairman Datuk Seri Arpah Abdul Razak and Malaysian Islamic Development Department director-general Datuk Othman Mustafa; National Culture and Arts Department director-general Datuk Norliza Rofli, Securities Commission Malaysia executive chairman Datuk Seri Ranjit Singh Ajith Singh, Malaysian Council of Former Elected Representatives information chief Datuk Abdul Rahman Sulaiman, Latimer Corporation Sdn Bhd managing director Datuk



Honoured: (Top row, from left): Among recipients of the PSM and title of Tan Sri are Shahrizat, Ranjit Singh, Dr R. Palan and Khoo. (Bottom row, from left): Among recipients of the PJP and title of Datuk are Cha, A. Sakthivel and Bill Tan.

Dennis Chandratheepam Latimer, Axiata Group Berhad president and group executive director Datuk Seri Jamaludin Ibrahim and Cyberjaya University College of Medical Sciences Pro Chancellor Datuk Dr R. Palaniappan, who is also the owner of listed company SMR Technologies Berhad.

The others who received the PSM were Widad Business Group's group executive chairman Datuk Seri Muhammad Ikmal Opat Abdullah, Malaysia Hokkien Associations Federation president and managing director of Brem Holding Berhad Datuk Khoo Chai Kaa, Chief of Navy Admiral Datuk Seri Ahmad

Kamarulzaman Ahmad Badaruddin, Deputy Inspector-General of Police Datuk Seri Noor Rashid Ibrahim and former Minister in the Prime Minister's Department Senator Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Apart from that, the PSM title was also bestowed on Wanita Umno chief/Women's Economic Advisor Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Selangor state Federal Action Council adviser Datuk Seri Noh Omar, Parti Bersatu India Malaysia president Datuk Seri S. Nallakuruppan, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Wanita chief Datuk Seri Empiang anak Antak, MyPPP finan-

cial advisor Datuk M.N. Puvannendran, Malaysian Manufacturers Federation president Datuk Seri Saw Choo Boon and former Deputy Plantation Industries and Commodities Minister Datuk Noriah Kasnon (posthumously), who died in a helicopter crash in Sebuyau, Sarawak on May 5.

A total of 79 people were awarded the Panglima Jasa Negara (PJN) which carries the title 'Datuk', and they include the late Kuala Kangsar Member of Parliament Datuk Wan Mohammad Khairil Anuar Wan Ahmad (posthumously) and Plantation Industries and Commodities Ministry secretary-general Datuk

Dr Sundaran Annamalai (posthumously), who were both killed in the helicopter accident in Sarawak on May 5; and Malaysia Furniture Council vice-president Datuk Cha Hoo Peng, who is also Marcoco Furniture Industries executive director.

The same award was also given to former deputy public prosecutor in the Attorney-General's Chambers, the late Datuk Anthony Kevin Morais (posthumous) who was murdered in September 2015.

The PJN title was also awarded to three Appeals Court Judges, namely Datuk Kamardin Hashim, Harminder Singh Dhaliwal and Ong Lam Kiat, as well as Legal Advisor in the Prime Minister's Department Datin Almalena Sharmila Johan Thambu, Director of Communications in the Finance Ministry Mohamad Ezam Mohd Nor, eye specialist and renowned speaker Prof Dr Che Muhaya Mohamad, deputy president of the Association of Malaysian Armed Forces veterans (ATM) Kapten Sharuddin Omar, former president of Dong Zong Quek Chee Hiang @ Quek Suan Hiang, M&A Securities Sdn Bhd executive director Bill Tan Choon Peow and MIC secretary-general A. Sakthivel.

National diving queen Pandeleda Rinong Pamg was among the 374 recipients of the Bintang Ahli Mangku Negara (AMN).

Lans Kpl Ahmad Sobri Harun, who was killed in the recent helicopter crash in Sarawak, was posthumously awarded the Pingat Pangkuan Negara (PPN). A total of 596 individuals received the same award (PPN). — Bernama

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (NASIONAL) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 5 JUN 2016 (AHAD)

Ribut, hujan batu jarang serentak

KUALA LUMPUR 4 Jun - Kejadian ribut dan hujan batu yang berlaku secara serentak di beberapa buah kawasan di ibu negara dan Lembah Klang semalam merupakan satu fenomena luar biasa yang jarang-jarang berlaku.

Ketua Pusat Penyelidikan Alam Sekitar, Universiti Teknologi Mara (UiTM,) Prof. Dr. Ku Halim Ku Hamid berkata, sehubungan itu satu kajian terperinci perlu dijalankan bagi mengenal pasti punca kejadian tersebut.

Kata beliau, fenomena luar biasa itu mungkin berlaku disebabkan perubahan cuaca secara melampau yang dipengaruhi oleh faktor angin monsun dan cuaca panas el Nino.

"Pihak berwajib seperti Jabatan Meteorologi Malaysia (Meteorologi) digesa mewujudkan sebuah jawatan kuasa khas bagi mengkaji fenomena ribut dan hujan batu semalam bagi mencari punca utama kejadian tersebut."



KU HALIM KU HAMID

"Saya tidak menolak kemungkinan fenomena semalam akan berlaku lagi pada masa hadapan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, beberapa kawasan sekitar ibu negara dan Lembah Klang dilanda ribut dan hujan batu sehingga mengakibatkan kejadian cemas di beberapa bangunan pejabat dan jalan-jalan raya.

Antara kawasan yang terlibat dalam kejadian selama satu jam kira-kira pukul 6 petang itu adalah sebahagian besar kawasan di Bandar Teknologi Malaysia, Bukit Jalil.

Fenomena hujan batu itu turut menyebabkan perkhidmatan transit aliran ringan (LRT) Laluan Sri Petaling mengalami gangguan bekalan kuasa setelah tiga substesen bekalan kuasa iaitu di Sungai Besi, Bukit Jalil dan Bandar Tasik Selatan dilaporkan terjejas.